

## MAKAN DAN MAKANAN DALAM KESUSAESTERAAN MELAYU

SUHAILA MOHAMED  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[m.suhaila@yahoo.com](mailto:m.suhaila@yahoo.com)

SHAIFUL BAHRI MD RADZI  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
[sbmr@ukm.my](mailto:sbmr@ukm.my)

### ABSTRAK

Makalah ini cuba merungkai perbuatan makan dan makanan yang terkandung dalam karya sastera. Umum mengetahui bahawa makanan merupakan elemen penting sebagai pemberi nutrisi bagi kelangsungan hidup manusia. Namun begitu, makanan berubah fungsi apabila hadir dalam karya sastera. Begitu juga dengan episod makan yang menggambarkan maksud tertentu. Oleh yang demikian, makalah ini akan menyelidik fungsi perbuatan makan dan makanan yang ada dalam karya. Kajian ini memfokuskan karya *Sulalatus Salatin*, *Hikayat Merong Mahawangsa*, *Hikayat Raja Pasai*, *Kitab Gemala Hikmat*, *Tuhfat Al-Nafis*, *Ketupat Cinta*, *Kisah Pelayaran Abdullah Munsyi ke Kelantan*, “Lemang Nan Sebatang” dan “Nasi Ayam Laut Sepinggan”. Metodologi kajian adalah menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Hasil kajian telah menemukan bahawa, aktiviti makan dan makanan menggambarkan adat, darjah, ikatan sosial, sindiran dan strategi.

**Kata kunci:** makan dan makanan; sastera tradisional; sastera moden; perlambangan; sindiran

### ACT OF EATING AND FOOD IN MALAY LITERATURE

### ABSTRACT

The functions of literary works are to record the past histories, and traditions which resembled the mentalities of the people. Not only that, it can stretches to function as a source of entertainment whilst at the same time deliver good moral values to the readers. It is well known from the traditional to the modern literature, Malay works discussed various aspects of the events surrounding human life such as politics, economy, society, and its culture. However, topics on food and Malay's eating culture are rarely discussed. Therefore, this study will examine the ways in which the food and its culture will be extensively discussed. In carrying out the research, this paper will look at some of the traditional works that are Sulalatus Salatin, Hikayat Merong Mahawangsa, Hikayat Raja Pasai, Kitab Gemala Hikmat, Tuhfat Al-Nafis, while at the same time modern works will also being looked at and these works would include Ketupat Cinta, Pelayaran Abdullah Munsyi, “Lemang Nan Sebatang” and “Nasi Ayam Laut Sepinggan.” This study will analyze, interpret and dismantle any associated discussions in regards to the mentioned subject that is food that is available in these selected works. The findings have found the food and the act of eating describe often as symbolisms. Therefore it can be said that, the food and the act of eating also denote another meaning once both being mentioned in the work of literature.

**Keywords:** reflection of food and the act of eating; traditional literature; modern literature; symbolism; allusion

## PENGENALAN

Sastera merakam kehidupan manusia. Bermula daripada tradisi lisan sehinggaalah bertulis, karya sastera banyak memberi faedah kepada pembaca. Karya sastera tidak dicipta untuk hiburan semata-mata tetapi juga bersifat fungsional (Siti Hawa Salleh, 2009). Menelusuri perkembangan kesusasteraan Melayu tradisional sehinggaalah moden, karya sastera mengetengahkan pelbagai perspektif dalam kehidupan manusia. Kisah-kisah tentang pembukaan negeri, kedatangan Islam, tamadun Melayu, sejarah dan tokoh banyak dipaparkan. Tidak terlepas juga tentang tradisi, pakaian, adat perkahwinan, serta kemewahan yang ada pada raja Melayu dahulu. Malah karya sastera tradisional juga memperlihatkan perihal makan dan makanan dalam naratifnya. Secara sedar atau tidak, perbuatan makan banyak diketengahkan dalam karya tidak kira menerusi adat raja bersantap sehinggaalah rakyat biasa, namun tidak pernah dipandang serius. Dalam karya sastera baik tradisional atau moden, makanan merupakan elemen penting yang dimasukkan ke dalam sesebuah karya kerana aktiviti makan merupakan salah satu perkara yang wajib dilakukan oleh manusia dalam kehidupan sehari-hari.

Makanan bukan sahaja dijadikan sumber tenaga dan nutrisi tetapi turut dialih ke dalam bentuk sastera dan diolah sebagai penggerak naratif dalam sesebuah karya. Makanan dalam karya sastera berfungsi sebagai motif penceritaan, penggerak kepada perlakuan watak dan juga pengiklanan sesuatu makanan. Makanan boleh menjadi lambang sindiran, status sosial mahupun merakam dan mendokumentasi ekonomi masyarakat dalam sesuatu zaman. Selain itu, makanan dan perbuatan makan juga boleh melambangkan budaya sesuatu bangsa. Anthelme Brillat (dlm. Donna R. Gabaccia, 1998) menyatakan, “*tell me what you eat, I will tell you who you are*”, menunjukkan bahawa makanan juga boleh menggambarkan diri seseorang baik dari segi bangsa, budaya, negara mahupun agama. Oleh sebab itu, episod makan dan hidangan yang dipaparkan dalam sesebuah karya tidak boleh dipandang remeh kerana di sebalik episod-episod tersebut tergambaran simbol dan perlambangan yang tertentu.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan karya *Sulalatus Salatin* (2013), *Hikayat Merong Mahawangsa* (1998), *Hikayat Raja Pasai* (1999), *Kitab Gemala Hikmat* (1960), *Tuhfat Al-Nafis* (1982), *Ketupat Cinta* (2009), *Pelayaran Abdullah Munsyi ke Kelantan* (2005), “Lemang Nan Sebatang” (2009) dan sajak “Nasi Ayam Laut Sepinggan” (2002). Kaedah kepustakaan dan analisis teks digunakan terhadap sembilan karya untuk merungkai fungsi perbuatan makan dan makanan dalam karya terpilih.

## MAKAN DAN MAKANAN DALAM SASTERA

Bermula dengan tradisi lisan seperti peribahasa umpamanya, perkataan ‘makan’ banyak ditemui untuk menggambarkan maksud sebagai sindiran, tingkah laku atau perasaan seseorang. Kata makan membawa konotasi yang berbeza dalam peribahasa Umpamanya ‘makan hati berulam jantung’, ‘makan suap’, ‘makan angin’, ‘makan dalam’, ‘makan hati’ dan ‘makan diri’, ‘makan nasi mentah’, ‘makan nasi suap-suapan, tetapi menerima puan kosong’, ‘makan tangan’ dan ‘makan upas berulam racun’.<sup>1</sup> Antara 10 peribahasa yang dinyatakan, lapan daripadanya

memperlihatkan ‘makan’ yang ditafsir sebagai satu perkara yang kurang baik. Istilah makan membawa maksud yang mendalam dalam tradisi lisan malah langsung tidak menggambarkan perbuatan makan yang sebenar. Begitu juga makanan yang mempunyai perlambangan yang berbeza-beza.

Dalam sastera Melayu, episod makan dan bahan makanan ditonjolkan secara selingan sebagai cerminan kepada adat dan budaya masyarakat terdahulu. Makanan mengambil alih fungsi dalam kehidupan manusia secara halus dan bersahaja sehingga jarang dipandang serius. Walhal, peristiwa makan dan makanan bukan hanya mampu menjalinkan ikatan sosial malah menjadi permulaan kepada episod pembunuhan. Oleh yang demikian, kajian ini akan membincangkan lebih lanjut fungsi dan keberadaan makanan serta perbuatan makan dalam karya sastera.

### Adat

Adat merupakan suatu tata tertib yang dilakukan dalam satu-satu upacara dan menjadi norma atau perlakuan sesuatu masyarakat dan menjadi pegangan yang dianutinya. Dalam karya sastera Melayu tradisional, pelbagai adat raja-raja Melayu ditonjolkan seperti adat perkahwinan, pertabalan dan juga adat raja santap. Adat makan merupakan salah satu perkara yang penting dan diambil kira dalam etika orang Melayu. Masyarakat Melayu sendiri menitikberatkan perihal makan dan makanan yang diajar di sekolah dan sering dipupuk oleh kedua ibu bapa tentang adat makan sejak kecil lagi.

Dalam sastera Melayu tradisional, adat makan sering ditunjukkan dalam hikayat Melayu khususnya bagi golongan istana dan pembesar. *Sulalatus Salatin* umpamanya merakamkan adat raja dan golongan istana bersantap. Di dalam karya ini memperlihatkan bahawa apabila bendahara sedang bersantap, maka para pembesar lain hanya akan mengadapnya sahaja dan tidak boleh makan bersama. Amalan ini bukan sahaja sebagai adat tetapi memperlihatkan penghormatan kepada golongan yang lebih tinggi statusnya.

“Maka hidangan pun dikeluarkan orang, maka Bendahara Seri Maharaja pun makan seorangnya, maka orang yang banyak itu tiada makan sama-sama dengan orang; setelah sudah Bendahara makan maka lain makan, demikianlah istiadat dahulukala.”

Hatta sedang pertengahan Bendahara Seri Maharaja makan, maka raja Kedah pun datang, maka segera disuruh Bendahara Seri Maharaja naik duduk. Maka raja Kedah pun naiklah duduk, bersama-sama dengan Tun Hassan Temenggung. Maka Bendahara pun sudahlah makan, lalu makan sirih. Maka sisa Bendahara Seri Maharaja itu ditarik oleh Tun Hassan Temenggung pada raja Kedah, “Raja, mari kita makan,” maka kata raja Kedah, “Baiklah.” Maka kata Bendahara, “Jangan raja makan sisa hamba, biar diambilkan nasi yang lain.” Maka kata raja Kedah, “Tidak mengapa, kerana Bendahara orang tua, pangkat bapa kepada beta.” Maka raja Kedah pun makanlah sisa Bendahara itu, bersama-sama dengan Tun Hassan Temenggung. Setelah sudah makan, maka datang sirih dan bau-bauan.”

(A.Samad Ahmad, 2013: 243)

Adat makan dalam kalangan raja Melayu menitikberatkan kehormatan dan taraf seseorang. Bendahara merupakan orang yang paling rapat dengan raja, maka kehormatannya di sisi rakyat sangat dipandang tinggi. Rakyat biasa tidak akan makan bersama-sama Bendahara tetapi hanya melihat dan menunggu Bendahara selesai makan. Perbuatan ini bukan sahaja menunjukkan rasa hormat rakyat kepada rakyat tetapi juga adat masyarakat dahulu kala.

Selain itu, dalam karya ini juga memperlihatkan adat memakan bekas makanan seseorang. Raja Kedah dan Tun Hassan Temenggung tidak kisah untuk memakan bekas atau sisa daripada Bendahara. Walaupun pangkat raja lebih tinggi daripada Bendahara, tetapi raja Kedah dan Tun Hassan Temenggung tetap memakan sisa bendahara kerana bagi Raja Kedah, Bendahara merupakan orang yang lebih berusia dan patut dihormati. Tambahan pula, episod tersebut menunjukkan bahawa Raja Kedah telah bertandang ke Melaka, dan menjadi kewajipan bagi Raja Kedah untuk mengikut adat di negeri Melaka. Adat memakan sisa atau bekas seseorang ini sememangnya menunjukkan rasa hormat. Pangkat Bendahara dipandang tinggi melalui adat makan yang digambarkan.

Dalam kisah *Hikayat Raja Pasai*, terdapat episod memakan peniaram yang dibubuh racun. Tun Beraim Bapa yang tidak mahu menderhaka kepada ayahandanya terpaksa memakan peniaram yang dibubuh racun walaupun beliau tahu akan niat ayahandanya yang hendak membunuh beliau.<sup>2</sup> Disebabkan oleh ingin menjaga hati ayahnya dan tidak mahu membuat derhaka, Tun Beraim Bapa sanggup memakan racun tersebut tetapi direbut oleh kedua saudaranya, lalu meninggal dunia. Walaupun melihat kematian di hadapan matanya, Tun Beraim Bapa tetap memakan peniaram yang tersisa lalu mendapat penyakit gatal dan akhirnya meninggal dunia.

“Maka Tun Beraim Bapa pun fikir dalam hatinya, “Jikalau kumakan makanan ini nescaya matilah aku, jikalau tiada kumakan nescaya derhakalah aku, tetapi baiklah aku mati daripada nama derhaka.” Maka diambilnya peniaram itu sebiji lagi, maka hendak dimakannya, maka tatkala itu diperlihat oleh Tun Medam Peria hal yang demikian itu, maka diperebutnya daripada tangan saudaranya lalu dimakannya, maka ia pun lalu matilah. ...Maka Tun Beraim Bapa pun mengambil peniaram itu, lalu dimakannya yang tinggal daripada dimakan oleh saudaranya itu. Setelah itu maka bisa racun itu pun menyelap-nyelap. Maka segala tubuhnya itu pun gatallah...”

(Russell Jones, 1999: 53)

Masyarakat pada zaman feudal mementingkan adat setia, rasa hormat dan tidak sanggup menderhaka kepada bapa atau raja walaupun tahu diri mereka dalam bahaya. Menolak pemberian makanan daripada seseorang adalah sesuatu perkara yang sangat tidak baik dan boleh menimbulkan rasa kecil hati kepada si pemberi dalam adat orang Melayu. Seseorang yang mengetahui adat Melayu tidak akan menolak pemberian orang khususnya makanan. Peristiwa makan ini juga dapat memperlihatkan kekejaman seorang ayah yang ingin membunuh anaknya sendiri. Makanan juga dijadikan cara oleh Raja Ahmad untuk meracun dan membunuh anaknya sendiri. Episod makan membawa erti yang besar dalam pergerakan cerita ini kerana selain menunjukkan perilaku setia Tun Berahim Bapa kepada raja, episod ini juga menunjukkan kejahatan rajanya sendiri.

### Darjat

Peristiwa memakan sirih dalam *Sulalatus Salatin* sangat kerap ditemui. Sirih pinang menjadi satu perkara yang wajib diambil atau dimakan oleh masyarakat zaman dahulu. Sekiranya dilihat berdasarkan cara pengambilan sirih pinang di dalam karya Melayu lama, dapat diandaikan bahawa sirih pinang seperti hidangan pencuci mulut masyarakat dahulu kerana sirih pinang dimakan selepas mengambil makanan yang berat seperti nasi. Namun begitu, dalam *Sulalatus Salatin* juga dapat dilihat bahawa makanan atau sirih pinang secara khasnya menjadi satu perlambangan sebagai darjat seseorang. Peristiwa Sultan Mahmud menganugerahkan sirih dari

puan kepada Tun Isap yang dipaparkan dianggap sebagai tanda anugerah yang berharga. Sirih di puan yang diberikan oleh raja terlalu mulia dan tanda bahawa orang yang menerimanya juga adalah orang yang berjasa dan layak menerima anugerah daripada raja.

“Maka oleh Sultan Mahmud diambil baginda sirih di puan, dianugerahkan pada Tuan Isap. Maka Tun Isap pun fikir pada hatinya, “Apa gerangan ertinya Yang Dipertuan menyuruh membunuh Tun Ali Sandang gerangan?” Kerana pada zaman dahulukala sirih di puan raja itu terlalu mulia, tiada barang-barang orang dianugerahkan raja; barangsiapa dianugerahi sirih daripada puan itu tanda kurnialah akan orang itu.”

(A. Samad Ahmad, 2013: 194)

Peristiwa Sultan Mahmud mangkat dijulang merupakan satu peristiwa bermula dengan episod Dang Anum memakan seulas nangka milik raja. Karya *Tuhfat Al-Nafis* (1982) memaparkan secara ringkas peristiwa tersebut. Hanya kerana wanita yang mengidam memakan nangka Sultan Mahmud Shah, beliau dijatuhkan hukuman bunuh.

“Maka pada satu masa baginda beradu maka datang orang persembahkan nangka masak. Maka ditaruhkan oleh penghulu istana itu kerana menantikan baginda itu juga. Tiba-tiba datang bini Megat Seri Rama yang bunting mengidam hendak makan nangka, lalu dipintanya sehulus kepada penghulu istana itu. Maka penghulu istana mengambil sehulus diberikan kepada bini Megat Seri Rama...”

“Maka apabila raja itu jaga hendak santaplah akan nangka itu, lalu dipersembahkan oleh penghulu istana itu kepada baginda, “Ada yang tiada baik itu, patik berikan kepada bini Megat Seri Rama daripada terbuang sahaja. Apabila ia mendengar maka baginda pun murkalah, lalu disuruhnya panggil bini Megat Seri Rama itu, dibelah perutnya, dikeluarkan anaknya dari dalam perutnya itu. Maka matilah bini Megat Seri Rama itu.”

(Virginia Matheson, 1982: 44)

Peristiwa ini menunjukkan betapa seorang rakyat sepatutnya mematuhi larangan dan hak-hak raja. Perbuatan yang dilakukan Dang Anum sememangnya bersalah kerana seorang raja tidak mungkin menjatuhkan darjatnya dengan memakan makanan daripada sisa seorang rakyatnya. Menurut Jelani Harun (dlm Halimah Mohamed Ali & Mohamad Lutfi Abdul Rahman, 2014), seorang isteri pembesar harus tahu undang-undang adat yang sangat melarang rakyat mengganggu gugat hak mutlak seorang Sultan. Menebak seulas nangka makanan Sultan ibarat menebak hak kedaulatan seorang raja.

Melalui peristiwa yang bermula dengan makanan ini juga telah memperlihatkan seorang pembesar menderhaka kepada raja. Megat Seri Rama sanggup membunuh raja dan mengetepikan soal waadat yang pernah termetarai antara raja dan rakyat. Seorang rakyat menderhaka kepada rajanya dengan sanggup membunuh Sultan Mahmud Shah. Bukan itu sahaja, melalui peristiwa itu jugalah dapat dilihat pembelotan yang dilakukan oleh Datuk Bendahara terhadap raja kerana ingin menaiki takhta kerajaan. Melalui peristiwa makan nangka telah membuka satu ruang yang luas kepada Bendahara untuk belot. Peristiwa pembunuhan isteri Megat Seri Rama kerana seulas nangka tidak boleh diterima oleh beliau sehingga membawa kepada penderhakaan kepada raja. Tambah pula dengan sokongan daripada rakyat lain yang turut bimbang sekiranya melakukan kesalahan akan mendapat hukuman yang sama daripada Sultan Mahmud.

“Maka apabila sampai khabar itu kepada suaminya Megat Seri Rama itu, maka ia pun menangis serta hilang akalnya, terbakar serta marahnya. Lalu ia mendapatkan Datuk Bendahara, maka dipermaklumkanlah yang ia hendak membala kematian isterinya itu, seraya katanya. ‘Yang diperhamba hendak menderhakalah, tidak boleh tiada.’ Shahadan

adalah Megat Seri Rama itu satu hulubalang yang kebal, banyak anak buahnya serta kuat kuasanya. Maka Datuk Bendahara pun musyawarahlah dengan saudaranya Temenggung dan Indera Bungsu, pada maksud Megat Seri Rama itu. Bersatulah sekalian mereka itu membenarkan Megat Seri Rama itu kerana segala orang-orang besar di dalam negeri itupun banyak juga yang suka akan Bendahara menjadi raja, kerana kata orang besar-besar itu, ‘Baru Megat Seri Rama kena begitu halnya, akhir-akhirnya kita semua pun nanti diperbuatnya begitu juga.’”

(Virginia Matheson, 1982: 45)

Malah peristiwa ini juga menyaksikan tragedi apabila Sultan Mahmud mangkat ketika dijulang dalam perjalanan untuk menunaikan solat Jumaat. Menurut Jelani Harun lagi, peristiwa ini penuh dengan tafsiran dan pengajaran. Raja yang zalim dan sanggup membunuh rakyat kerana seulas nangka mendapat balasan yang sangat tragis pada zaman pemerintahannya sendiri. Selain daripada menunjukkan penderhanaan rakyat, kisah ini juga menunjukkan waadat yang dipegang oleh mereka. Raja yang berbuat zalim kepada rakyat akhirnya mendapat pembalasan yang sangat dahsyat.

### **Ikatan Sosial**

Dalam karya sastera moden pula, aktiviti menjamu selera atau makan turut menjadi adegan yang menarik apabila pada waktu menjamu seleralah banyaknya perbualan yang timbul tidak kira antara keluarga, rakan-rakan dan pasangan suami isteri. Malah dalam drama atau filem sekalipun, adegan makan bersama merupakan perkara penting yang ditonjolkan untuk memperlihatkan suasana dan perasaan watak dalam sesebuah karya. Makan bersama keluarga atau seseorang boleh menunjukkan hubungan yang dijalinkan berada dalam keadaan yang baik atau sebalik. Sekiranya hubungan yang terjalin baik, situasi makan bersama akan kelihatan harmoni. Makan bersama yang dipaparkan dalam karya juga boleh memperlihatkan pergerakan plot sesebuah cerita. Perbuatan ini boleh menunjukkan perbincangan yang penting bersama keluarga, membawa perkhabaran gembira atau mengumumkan sesuatu perkara yang baik.

Selain itu, masyarakat hari ini yang sibuk dengan kerjaya dan tidak sempat untuk meluangkan masa bersama keluarga mengambil peluang waktu makan untuk berbincang. Menurut Foster dan Anderson, makan bersama pada waktu malam berfungsi untuk memelihara hubungan keluarga. Walaupun hal ini tidak dapat dilakukan setiap hari, mesti dilakukan sekiranya ada kesempatan. Oleh sebab itu, dalam karya-karya tradisional mahupun moden, upacara atau kelakuan makan bersama atau bersendirian juga kerapkali ditonjolkan dalam penceritaan. Perkara ini kerana, makanan membawa simbol ikatan sosial masyarakat. Sekiranya makan bersendirian, penonton atau pembaca boleh mentafsir watak sebagai kesunyian dan menjadikan babak makan bersendirian tanpa perbincangan. Malah dalam filem dan drama juga turut menjadikan adegan makan sebagai babak yang kerap muncul di layar.

Karya “Lemang Nan Sebatang” merupakan cerpen yang memperlihatkan makanan sebagai pengikat kepada solidariti masyarakat. Pengarang menceritakan kehidupan saudara mara yang pada mulanya sangat akrab tetapi akhirnya berpecah belah dan bermusuh kerana tidak setuju dengan adat pepatih Negeri Sembilan. Angah watak seorang lelaki yang tidak mempunyai adik-beradik perempuan berkecil hati dengan Busu iaitu ibu saudaranya kerana tanah yang dikerjakan jatuh kepada sepupunya. Jauh di sudut hati, Angah sangat merindui Busu setelah 10 tahun tidak pulang ke kampung.

Kerinduannya terhadap kampung dan keluarga memuncak apabila anaknya meminta

Angah mengajarnya membuat lemang. Anaknya pula menghantar e-mel kepada sahabat berkenaan falsafah lemang. Di dalam e-mel itulah pengarang mula mengolah falsafah tentang lemang yang sangat berkait rapat dengan ikatan kemanusiaan khususnya kekeluargaan.

“Elizabeth yang jauh di Gloucestershire,

Kau pernah bertanya tentang sejenis makanan yang dimasak di dalam buluh. Kami namakan lemang. Melemang ada falsafahnya kepada orang Melayu. Pulutnya adalah kejelekan antara ahli keluarga. Pedas rendang boleh menguji ketahanan si pemakan, tetapi tanpa rasa pedas seolah-olah hilang nikmat hidup!

Lemak santan dapat melunakkan suasana tegang antara pulut. Ibarat orang yang lebih tua mencurah alir nasihat yang santun kepada anak muda yang berdarah panas. Bahkan kayu api yang membakar juga ada cerita di sebaliknya. Kalau mahu api marak menyala kayunya mesti disilang-silangkan. Ibarat ahli keluarga bertingkah pendapat lalu dapat memarakkan lagi kemesraan antara keluarga.

Aku mahu bercerita tentang daun pisang yang berkorban supaya isi lemang tidak bercampur dengan dinding buluh yang bersembilu. Aku mahu juga bercerita tentang falsafah buluh yang hidup muafakat serumpun. Itulah kami yang mencintai adat dan budaya....

“Pulutnya adalah kejelekan antara ahli keluarga.”

(Nisah Haron, 2009)

Lemang menjadi simbol kepada kekuatan ikatan ahli keluarga. Setiap orang dalam keluarga sifatnya saling melindungi antara satu sama lain yang diibaratkan sebagai daun pisang yang melindungi isi lemang di dalam buluh. Bukan itu sahaja, sikap dan tingkah laku ahli keluarga yang saling berselisih faham akhirnya membabitkan lagi kemesraan seperti yang digambarkan oleh pengarang cara membakar lemang. Pengarang mencipta sendiri falsafah tentang hubungan kemanusiaan berdasarkan lemang. Karya ini menunjukkan signifikan penyataan Froster & Anderson seperti yang juga dijelaskan oleh Danandjaja (1984), makanan merupakan simbol untuk mempersempahkan perasaan. Perasaan melibatkan pelbagai jenis seperti kasih, cinta malah benci sekali pun. Perasaan antara keluarga tidak akan pernah putus dengan kasih sayang ibarat air yang dicincang tidak akan putus.

Tambahan pula, lemang dianggap sinonim dengan ikatan kasih sayang kerana proses pembuatan yang menuntut ahli masyarakat untuk bekerjasama dan bergotong-royong. Lemang juga sukar dicari pada hari biasa, tetapi dimakan bersama pada keraian yang sangat istimewa bagi orang Islam. Oleh sebab itu, lemang menjadi lambang kepada ikatan sosial dan kekeluarga seperti yang dinyatakan oleh pengarang.

Selain itu, Faisal Tehrani dalam *Ketupat Cinta* (2009), menjadikan sirih sebagai lambang ikatan sosial sesebuah masyarakat. Memakan sirih umpamanya, menunjukkan kehidupan manusia yang mesti bersatu. Pengarang menggambarkan adab menyusun tepak sirih dan cara mengapur mestilah cermat dan mengikut susunan yang betul. Adat ini menggambarkan kehidupan manusia yang penuh adat dan adab. Sirih yang dimakan bersama-sama bahan yang lain seperti pinang dan kapur digambarkan sebagai santapan yang saling bergantungan. Sama seperti sesebuah hubungan yang saling melengkapi antara satu sama lain. Kebergantungan hidup manusia dengan manusia lain sama dengan kebergantungan sirih dengan bahan lain.

Masyarakat yang mempunyai nilai-nilai seperti yang dinyatakan akan mengukuhkan lagi ikatan sosial mereka sama ada kekeluargaan, persahabatan mahupun persaudaraan. Sesebuah ikatan akan kukuh sekiranya mengamalkan nilai-nilai murni tersebut. Begitulah juga pengarang menekankan bahawa kehidupan manusia di dunia ini mestilah penuh dengan adat dan peraturan

supaya kehidupan lebih teratur dan harmoni. Bukan sahaja untuk diri sendiri tetapi berguna kepada masyarakat di sekitarnya.

“Inilah sirih yang dimakan satu dengan bahan lain. Ia gunanya menunjukkan kehidupan orang Melayu itu sangat ingin ia akan hidup yang bersatu. Tiada gaduh-gaduh. Hendaklah orang yang punya adab itu ia menyusun tepak sirih, cara mengapur daun ini mestilah cendayam. Dapat ia digunakan dalam sebarang adat istiadat.”

“Makan sirih pinang ini dapat mengingatkan Melayu akan hormat-menghormati, hendaklah ia berbudi bahasa, sentiasa bersatu padu, molek ia hidup beradat lagi berperaturan. Serta tiada ia menipu.”

(Faisal Tehrani, 2009: 99)

Secara tidak langsung, pengarang memberi nasihat kepada pembaca supaya saling hormat-menghormati, berbudi bahasa dan bersatu padu dalam hidup bermasyarakat. Walau bagaimanapun, falsafah yang dinyatakan oleh pengarang tentang sirih tidak semestinya tepat. Falsafah sirih dijadikan perlambangan sekadar untuk menyampaikan nasihat tentang nilai murni kepada pembaca. Pengarang menggunakan karya sebagai platform dan menjadikan makanan sebagai bahan didikan untuk mengikat hubungan sosial masyarakat ke arah yang lebih baik.

### Sindiran

Sindirin atau kritikan dalam hikayat Melayu lama seringkali dilakukan secara halus oleh pengarang. Makanan juga menjadi alat untuk menyindir masyarakat. Kebijaksanaan pengarang biasanya terlihat apabila mereka mampu untuk menyindir perbuatan atau tingkah laku manusia yang tidak elok dengan cara yang halus tetapi berkesan. Menurut Noriah Taslim (2006), budaya Melayu tradisional memang amat kaya dengan teknik-teknik sindiran yang amat tajam dan tepat. Alam bahasa dan seninya memang makmur dengan bahasa ibarat dan perumpamaan, pantun, gurindam, seloka yang padat dengan makna siratan. Semuanya tersedia untuk digunakan oleh pengarang bagi tujuan menyamarkan, dan pada masa yang sama, memaksimumkan kritikannya.

Sebuah episod dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*, pengarang menyentuh perihal makanan kegemaran raja yang menjadi penyebab tumbuhnya siung. Menteri menasihati raja supaya berhenti memakan batang bayam dan daunnya kerana dikhuatiri menjadi penyebab ulat gigi. Pengarang ingin menyatakan bahawa kelakuan seseorang manusia itu terjadi akibat daripada didikan ataupun tabiat. Sesuatu perkara yang tidak baik apabila diulang-ulang sehingga meningkat dewasa boleh mengakibatkan sesuatu yang buruk. Raja menjadi zalim akibat daripada sikap ego dan didikan yang tidak baik sejak daripada kecil sama seperti makanan yang boleh memudarangkan apabila diambil selalu boleh mengubah manusia ke arah yang negatif.

“Hatta pada suatu hari raja dihadap oleh orang sekalian, maka titahnya kepada seorang menteri, “hendaklah tuan hamba mari dekat beta, lihat gigi hamba ini, terlalu sakit antara gigi manis, keduanya itu baharu tumbuh pula, bakatnya baharu sahaja menjadi.”

Maka dilihat oleh menteri, disembahnya “Siung, tuanku.” Maka titahnya pula, “Pada fikiran rasa beta, tiada patut hendak tumbuh siung.” Ia berkata-kata sambil tertawa-tawa pula, “Jika hendak tumbuh siung pun tentulah ada daripada mula jadi atau daripada masa sedang kecil dahulu.”

Maka sembah seorang menteri, “Apa kegemaran tuanku di dalam persantapan lauk nasi di dalam sehari-hari ini?”

Maka titahnya sambil ketawa, “Adalah kegemaran beta makan itu hanya gulai lecek yang bertumis, iaitu batang bayam juga dengan daunnya.”

Maka sembah menteri itu, “Jikalau boleh perkara itu hendaklah tuanku tinggalkan dia. Barangkali sayur itu menjadi ulat gigi tuanku.”

(Siti Hawa Salleh, 1998: 50)

Walau bagaimanapun, episod memakan gulai yang bercampur titisan darah dijadikan punca dan penyebab perubahan sikap yang mendadak oleh baginda. Darah dirasakan sedap dan raja mula ketagih dengan darah yang tercampur dalam makanannya. Bukan itu sahaja, kisah ini juga menunjukkan kecuaian gerau istana yang mengizinkan raja meminum darah dan ketagihan. Makanan yang dihidangkan menjadi penyebab bermulanya peristiwa pembunuhan yang amat kejam.

“Maka tatkala itu gerau yang di dapur itu pun tengah memotong sayur bayam dengan gopohnya hendak diperbuat gulai lecek. Maka terlekalah matanya sedikit. Maka lalu tersayatlah hujung jarinya dengan pisau.

... maka pada waktu ia tengah melecek sayur itu, maka tertitiklah darahnya setitik ke dalam sayur itu dengan lihatnya.”

“Maka orang itu pun dikerjakan oranglah, darah itu diisinya ke dalam cawan lalu dibawa mengadap persembahan kepada Raja Bersiung itu. Maka diambilnya lalu langsung ke dapur menyuruh gerau itu membuat sayur lecek. Setelah pertengahan masak maka dihampiri oleh Raja Bersiung, sendirinya menuangkan darah itu ke dalam belanga sayur itu.

(Siti Hawa Salleh, 1998: 51-52)

Dalam episod ini dapat dilihat bahawa aktiviti makan atau makanan yang diambil bukan sahaja menjadi episod selingan tetapi membawa impak yang besar dalam menggerakkan sesebuah cerita malah bertindak sebagai sindiran kepada orang atasan. Tambahan pula, dalam kisah ini, pengarang ingin menampakkan bahawa kezaliman yang dilakukan oleh raja berpunca daripada kesalahan rakyat. Pengarang tidak boleh menyindir raja secara terang-terangan kerana takut dan dimurkai raja. Oleh sebab itu, episod ini menjadi sebuah sindiran rakyat kepada kekejaman raja.

Selain itu, Abdullah Munsyi<sup>3</sup> dalam kisah *Pelayaran Abdullah Munsyi ke Kelantan* acapkali menyebut tentang makanan. Beliau mengkritik secara halus bahawa masyarakat negeri Terengganu yang gemarkan makanan yang diperuk. Bukan itu sahaja, beliau juga menggambarkan bahawa masyarakat negeri ini tidak memakan daging dan tidak meminum susu sebaliknya gemarkan ikan yang diperam lama sehingga menjadi ikan asin. Kritikan yang disampaikan oleh Abdullah Munsyi menjadi sesuatu yang boleh dipelajari dan dirakam sebagai sejarah yang kekal dikenang oleh masyarakat pembaca.

“Syahadan lembu kambing dan biri-biri, itik ayam pun murah belaka; harga seekor kambing seringgit. Tetapi sungguhpun segala perkara itu murah, maka tiadalah mereka itu gemar memakan daging dan minyak sapi, melainkan ikan dan sayur dan perkara-perkara yang busuk-busuk, seperti tempoyak dan pekasam dan petai dan jering dan sebagainya; dan hulam-hulam itulah benda yang terlebih banyak kelihatan dalam pasar itu.”

(Sweeney, 2005: 116)

Sehingga ke hari ini, masyarakat Melayu Terengganu dan Kelantan masih lagi menggemari makanan seperti itu.<sup>4</sup> Namun sekiranya dilihat dari konteks zaman itu, masyarakat dahulu mempunyai sebabnya yang sendiri dengan memilih makanan yang diperam sebagai juadah mereka kerana pada zaman tersebut belum ada peti sejuk untuk penyimpanan bahan basah seperti ikan. Oleh sebab ingin mengekalkan penggunaan makanan, bahan mentah diperam dan

dijeruk untuk kegunaan jangka panjang. Masyarakat Melayu dahulu sukar untuk mendapatkan makanan yang berkhasiat, tambahan pula faktor cuaca juga menjadi penyebab ikan atau makanan diperam sedemikian lama. Abdullah Munsyi bersikap prejedis terhadap masyarakat Melayu dengan menyindir mereka melalui makanan yang dianggapnya kotor dan tidak berkhasiat namun pada hakikatnya, masyarakat zaman dahulu mempunyai kekangan teknologi dan masalah lain yang menyebabkan mereka mengambil makanan sedemikian. Walau bagaimanapun, makanan yang diambil oleh masyarakat dahulu menjadi tradisi dan merakam sejarah ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat dahulu.

Menurut Noriah Taslim (2010) lagi, sikap kritis terlahir daripada realiti baharu yang membawa model-model alternatif dalam kehidupan. Model alternatif yang dianggap lebih baik inilah yang membawa kepada perbandingan kepada pengkritik. Walau bagaimanapun, kritikan yang disampaikan oleh Abdullah Munsyi boleh menggambarkan realiti yang sebenar berlaku dalam kalangan masyarakat kerana beliau menulis berdasarkan pandangan matanya sendiri. Justeru, makanan juga menggambarkan kehidupan masyarakat yang serba kekurangan dan faktor-faktor yang menghalang pemerolehan makanan yang baik sehingga masyarakat dahulu menghasilkan makanan yang dianggap tidak mulia oleh masyarakat hari ini.

Sindiran bagi orang yang malas diketengahkan dalam teka-teki tentang nasi kunyit. Teka-teki yang dicipta oleh Munsyi Sulaiman (1960) memaparkan ciri-ciri nasi kunyit yang dihidangkan orang. Beliau memperincikan nasi kunyit dengan pemandangan bukit yang ditumbuh dengan bunga-bunga yang tidak berakar malah di dalamnya ada bangkai-bangkai yang mewakili lauk-pauk di dalam nasi kunyit tersebut.

“Beberapa buah bukit yang tiada bertanah atau pasir dan batu, melainkan kelihatan seperti warna emas yang tersepo. Di atasnya itu penoh dengan berbagai-bagai jenis rupa tumbuhan-tumbuhan, yang buahnya masak bermacam-macam anika. Tetapi sekaliannya tumbuh dengan tiada berakar.

Hairan, apabila pokok-pokok itu di-timpa hujan yang lebat, habislah daunnya berlayuan, dan bunga-bunganya pun lesut-lah, berubah-lah warna-nya menjadi satu rupa. Dan bukit itu pun menjadi lembut, demikian jua segala buah-buahan itu habis kehilangan chahaya-nya belaka. Hendak pun dikatakan bukit itu perkuburan, kerap diperoleh kelabaan dari dalam-nya apabila digali.

Hendak pun disangka perbendaharaan, ada pula bertemu mayat yang tertanam di-sana. Ramai-lah daripada kaum yang gemar bersuka-sukaan dengan makan minum beramai-ramaian pada ketika itu; maka terlebih tamasha mereka, ia-lah tatkala memecahkan bukit itu dengan membinasakan segala tumbuh-tumbuhan yang di-sana.”

(Munsyi Sulaiman, 1960: 39)

Menurut Siti Zubaidah (2015) teka-teki tentang nasi kunyit ini adalah untuk menyindir manusia Melayu suatu ketika dahulu yang miskin, malas dan duduk menunggu sahaja ketibaan musim perayaan atau keraian untuk menikmati hidangan yang lazat. Hal ini demikian kerana nasi kunyit hanya dimakan dan dihidangkan pada keraian tertentu dan masyarakat Melayu yang miskin pada masa dahulu hanya memakan nasi putih sebagai santapan harian mereka. Bagi Siti Zubaidah, makan beramai-ramai seperti yang diperkatakan dalam teka-teki menggambarkan kesukaan masyarakat Melayu dahulu apabila adanya keraian kerana mereka boleh menikmati kelazatan pelbagai jenis makanan terutamanya nasi kunyit. Lauk pauk yang banyak tersembunyi di dalam nasi kunyit dikatakan sebagai bangkai dan melambangkan kemewahan makanan tersebut. Bukan itu sahaja, makanan mewah pada masa itu menurut teka-teki tersebut sesuai dimakan beramai-ramai dan menambahkan lagi nikmatnya.

Selain itu, Munsyi Sulaiman mengaburi sindirannya melalui tempoyak. Tempoyak merupakan pembuka selera bagi masyarakat Melayu. Tempoyak lebih enak apabila dicicah dengan ulam-ulaman atau dibuat gulai tempoyak. Namun begitu, Munsyi Sulaiman menggunakan tempoyak sebagai ‘hidangan’ untuk menyindir golongan raja pada masa dahulu. Durian sebagai simbol kepada raja buah mengambil alih tugas raja sebagai golongan ini yang angkuh dan tidak bergaul dengan ‘buah’ kebanyakannya iaitu rakyat biasa dan pada akhirnya hanya dijadikan tempoyak yang masam. Munsyi Sulaiman menggambarkan cara tempoyak diperam melalui teka-teki. Tempoyak ‘dipenjara’ di dalam bekas yang kedap udara mengibaratkan raja tidak lagi memiliki kuasa dalam membuat sebarang keputusan malah kuasa pemerintahan mereka juga diambil alih oleh golongan lain. Durian dianggap tidak berguna lagi sehingga membandingkan tempoyak dengan tahi dan bubur. Malah di akhir teka-teki Munsyi dengan keras menyatakan:

“Amboi mengapa pula menjadi hina  
Taulanku yang baru ini tidak-kah berguna?  
Mashur jua namanya sampai ke-mana-mana  
Terpakai kepada Belanda dan China  
Hanya seorang yang senasib dengan aku ini, itu-lah sahaja  
kapada orang India menjadi benchana  
Tetapi kepada orang Melayu, ialah telebeh berguna lagi  
Penyempurna.”

(Munsyi Sulaiman, 1960: 9)

Menurut Siti Zubaidah (2015) kuasa raja tidak berguna lagi sejak kedatangan British ke tanah Melayu. Raja mempunyai kuasa yang tinggi dan akhirnya menjadi seperti tempoyak setelah hilang kekuasaan dan hanya menjadi boneka kepada pemerintahan British. Sehingga ke hari ini, masyarakat Melayu sahaja yang memandang raja pada kedudukan yang tinggi tetapi tidak kepada bangsa lain seperti kata Munsyi, “Hanya seorang yang senasib dengan aku ini, itu-lah sahaja kapada orang India menjadi benchana, tetapi kepada orang Melayu, ialah telebeh berguna lagi penyempurna.” Walhal, raja pada masa itu berfungsi untuk agama dan adat resam sahaja. Ekonomi dan sosial masyarakat Melayu diambil alih oleh British sehinggakekayaan hasil bumi dan sistem pendidikan terarah kepada pihak British. Amat jelas sekali bahawa, makanan menjadi idea dan motif untuk menyindir sesebuah masyarakat atau seseorang yang mempunyai sikap dan melakukan perkara yang tidak elok. Sikap ego raja akhirnya tumpas dan hanya menjadi penurut kepada kuasa asing sehingga tiada fungsi lagi dalam sistem pemerintahan.

Faisal Tehrani pula menggunakan watak tukang masak istana Melaka untuk menyindir kepincangan politik di antara isteri-isteri pemerintah Melaka ketika itu. Setiap subtopik dalam novel *Ketupat Cinta* memuatkan nama-nama masakan umpamanya Talam Keladi untuk Permaisuri. Talam Keladi untuk Permaisuri bermula dengan kisah Sultan Alauddin yang mangkat diracuni ketika usia muda. Tukang masak istana telah dituduh meracuni Sultan. Dari kisah itu, bermulalah perihal tentang masakan dan makanan yang mengandungi falsafah. Pengarang juga menggambarkan tukang masak istana ini bukan sahaja mempunyai kemahiran dalam masakan semata-mata tetapi turut berilmu dalam halal haram makanan tersebut. Dalam episod ini, Faisal Tehrani menyatakan maksud di sebalik kuih talam keladi yang bertingkat-tingkat sifatnya. Menurut pengarang, lapisan atas bersifat marhean yang sesuai untuk golongan raja maka, akan diramukkan dengan bahan seperti santan, kelapa parut, gula dan garam. Pada bahagian lapisan bawah pula adalah lapis yang bergolak kerana benda atau perkara yang

berada dibawah itu terpendam dan akan memberontak.

“Daulat baginda jangan diragu. Santapan itu pula menurut raja hendaklah ada tingkatnya, kalau orangnya lurus dimakan akan kedua-dua tingkat. Kalau orang rendah dirinya dimakan akan tingkat atas, kalau hanya dikutil dimakan tingkat yang bawah pada bahagian ramuan tumbuhan yang gatal itu, maka ketahuilah dia itu bercita-cita besar. ...”

“Lapisan di bawah itulah lapis yang bergolak kerana apa yang terpendam di bawah itulah yang akan berontak. Kita pun ramu dengan ramuan santan, tepung dari gandum kerana susahnya mendapat akan gandum itu menunjukkan orang yang gemar akan ia itu sejenis manusia bercita-cita di luar lingkungan, dan kita pun mengambil keladi kerana sah-sahlah keladi itu gatak sifatnya, dipotong berbentuk dadu dan dikukus separuh, dilenyek-lenyek sedikit dimasukkan pula tepung beras, garam dan gula pasir.”

“Adapun memasak lapis bawah itu lebih sukar dari lapis atas. Pada lapis bawah yang menjadi kunci kepada ketidaksetiaan peraisuri itu kita buat ia harus dikukus dua takah dan kali kedua itu lima belas minit lamanya. Sedang lapis atas itu sekadar digaul sebatи dan dikukus sampai masak sahaja, tidaklah terlalu susah sangat kerjanya.”

(Faisal Tehrani, 2009: 19-20)

Hidangan ini sengaja dibuat oleh tukang masak kerana Raja Alauddin ingin menguji sikap isteri-isterinya untuk diangkat menjadi permaisuri. Dalam konteks ini, pengarang cuba menyindir sikap permaisuri yang sangat tamak dan mempunyai agenda yang tersendiri dalam kerajaan Melaka. Pengarang menyindir sifat permaisuri yang sama dengan sifat lapisan bawah dalam keladi yang mengandungi bahan-bahan seperti keladi yang gatal. Tepung pula digambarkan seperti orang yang bercita-cita tinggi kerana tepung sukar dicari pada masa itu.

Selain itu, Sesedap Tongkol Perap Shakuntala pula penuh dengan pendidikan dan pengajaran daripada pengarang. Selain daripada memuatkan resipi tentang ikan tongkol perap tumis hijau, pengarang secara tidak langsung menyampaikan pesanan kepada pembaca. Pengarang pada mulanya menyindir sikap raja pada masa dahulu yang suka berzina dengan gundik beragama Islam. Parameswara yang tertarik dengan kecantikan Shakuntala telah cuba untuk berzina dengannya tetapi Shakuntala berani melawan. Oleh sebab itu, gerau istana berhelah dengan menyuruh Shakuntala memasak kerana, memasak merupakan kesukaan Shakuntala. Setelah menghidangkan makanan yang lazat, Shakuntala dipujuk supaya berkahwin dengan Parameswara mengikut syarat yang ditetapkan olehnya sendiri. Pengarang menggunakan helah masakan dan makanan sebagai ruang untuk menyindir raja yang suka berzina dan merampas kehidupan orang lain sesuka hatinya. Tambahan pula, dalam karya ini Faisal Tehrani sengaja menggunakan latar masa pada zaman kegemilangan Melaka untuk menggambarkan korupsi raja dan sering meremeh-remehkan soal agama. Namun begitu, perkara ini adalah untuk memberi pedoman kepada pemimpin hari ini supaya tidak melakukan perkara yang sama.

Kuih-muih seperti kuih tepung gomak<sup>5</sup> dan beraneka kuih yang lain sebagai perlambangan yang dicipta oleh pengarang.

“Itulah tuan-tuan, kita tampilkan masakan atau makanan Melayu itu mestilah tak lepas dari empat rasa.Tak boleh tidak mesti masam, mesti manis, mesti pedas dan mesti lemak.

Adapun masam itu lambang kurang, andai manis itu lambang lebih. Jadi haruslah seimbang antara masam dan manis. ...Meski merendah diri Melayu itukan masih tegas, maka harus pedas, dan kerana Melayu itu banyak tolak ansurnya maka harus juga sentiasa lemak. Kalau terlebih lemak tidak boleh juga, tidak juga Melayu tersangat pedas, sangat masam apatah lagi, kalau terlalu manis mudaratkan diri.”

(Faisal Tehrani, 2009: 68-69)

Falsafah yang dicipta oleh pengarang adalah untuk memberi nasihat dan panduan kepada manusia dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Manusia Melayu mestilah mempunyai ciri-ciri yang dilakarkan oleh Faisal Tehrani. Walaupun Melayu disifatkan sebagai bangsa yang sangat lemah lembut, tetapi mesti memiliki ciri lain seperti tegas tetapi masih boleh bertolak ansur. Makanan dijadikan perlambangan dalam mencerminkan keseimbangan tingkah laku dan keperibadian manusia. Rasa manis, masin, masam dan lemak sememangnya menjadi kewajipan dalam tradisi masakan Melayu. Umum mengetahui rasa manis yang melampau boleh mengundang penyakit namun, perkataan manis itu sendiri mencerminkan tingkah laku dan pertuturan manusia sopan santun dan beradap. Rasa masin pula sering kali dikaitkan dengan kematangan manusia. ‘Orang tua, lebih dahulu makan garam’ umpamanya seringkali diungkap untuk menunjukkan kematangan seseorang yang telah melalui pelbagai pengalaman. Falsafah yang diciptakan oleh orang Melayu ini membawa makna dan memberi perlambangan untuk menyampaikan sesuatu yang tersirat.

Sajak J.M. Aziz bertajuk “Nasi Ayam Laut Sepinggan” (2002) memperlihatkan status sosial masyarakat berdasarkan makanan. Sajak ini pada mulanya menggambarkan kedamaian laut di Terengganu dan gambaran Pulau Duyung yang dikatakan mempunyai khazanah. Berikutan acara *Moonson Cup* yang berlangsung di Pulau Duyung sejak tahun 2005, telah memberikan banyak keuntungan kepada negeri Terengganu. Di Kerteh, Terengganu pula terdapatnya hasil bumi iaitu minyak petroleum dan negeri itu membangun dengan pesat daripada minyak sebagai sumber ekonominya.

Walau bagaimanapun, perenggan kedua sajak ini menggunakan makanan yang dijamah secara sederhana bersama orang yang disayangi membawa keindahan dan kedamaian dalam hati manusia. Makan berkongsi satu pinggan menggambarkan kehidupan yang daif dan miskin. Makanan juga menggambarkan status sosial masyarakat yang hanya bekerja kais pagi makan pagi. Pengarang memperlihatkan paradoks atau perbandingankekayaan negeri Terengganu dengan sangat halus sehingga pembaca mungkin tidak sedar akan maksud sebenar sajak ni. Walaupun Terengganu kaya dengan sumber alam dan hasil pelancongan, masih ada lagi masyarakat yang hidup sederhana malah miskin. Sekiranya dibaca pada peringkat awal sajak ini, pembaca hanya akan mentafsir keindahan hidup berumah tangga. Walaupun makanan dikongsi, masih lagi merasakan cukup dan nikmat. Walhal, sajak ini secara halusnya memperlihatkan status sosial masyarakat yang berbeza.

Fajar menyinsing mengarak siang  
Langit terang laut teduh  
Riak pasang pagi menyimbah  
Puteri duyung lubuk khazanah  
Timbul di muka air jernih  
Membawa debunga minyak pengasih  
Akan menghanyut rindu resah  
Lalu berenang meniti arus  
Hala tujunya ke tanah besar  
Pasir garam berpohon nyiur manis  
Dibelai dipupuk bayu timur  
Puteri duyung lalu mendarat  
Di labuhan Kerteh menyusun syair

Adam bawa balik ayam laut

Siti Hawa menghidang di dapur  
Di tikar mengkuang berbunga alamanda  
Adam Hawa bersimpuh bersila  
Nasi ayam laut sepinggan makan berdua  
Alahai lazatnya cinta rasa  
Nikmat hidup berumah tangga

(J. M. Aziz, 2002)

Pada masa yang sama, karya ini juga memperlihatkan satu sindiran pengarang terhadap pemimpin negeri Terengganu dan juga rakyatnya. Pengarang menyindir pemimpin yang mengabaikan masyarakat yang hidup dalam keadaan yang daif. Walaupun Terengganu kaya dengan hasil bumi, masih lagi ada masyarakat yang terpinggir dalam negeri tersebut. Kekayaan hasil negeri tidak sampai kepada masyarakat sedangkan para pemimpin mengaut keuntungan daripada kekayaan negeri. Namun begitu, dapat juga diandaikan bahawa, masyarakat itu sendiri tidak mengambil peluang dengan kekayaan yang ada di negeri tersebut dan memilih untuk kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Masyarakat yang digambarkan oleh pengarang ini mungkin juga masyarakat yang tidak menyokong kerajaan atau tidak peduli tentang kemajuan negeri dan meminggirkan diri dan tidak mahu berusaha.

### Strategi

*Sulalatus Salatin* memperlihatkan adat makan sebagai strategi memperdaya Raja Cina. Menerusi episod Tun Pepatih Putih diutuskan untuk menghantar surat kepada Raja China, perbuatan makan kangkung itu dinyatakannya sebagai adat dan kegemaran orang Melayu. Atas nama adat, Tun Perpatih Putih menjadikannya sebagai strategi untuk melihat wajah Raja Cina. Menurut Syed Zulflida (1986), peristiwa ini juga menimbulkan wit bersifat tipu daya, helah dan mempersendakan seseorang. Tun Pepatih Putih menyembunyikan witnya dengan menggunakan makanan. Episod memakan kangkung yang dilakukan oleh Tun Perpatih Putih memperlihatkan helah yang digunakan untuk menatap wajah Raja Cina. Sayur kangkung yang tidak dikerat dimakan secara mendongak oleh Tun Perpatih Putih bukan sahaja dianggap bijak, tetapi melalui episod ini juga dikhabarkan bahawa dari situlah orang Cina mulai pandai memakan kangkung sampai ke hari ini. Pengarang menjadikan episod makan untuk memperlihatkan kebijaksanaan melalui helah ini. Kangkung sebagai makanan yang kononnya menjadi kegemaran orang Melayu berjaya menipu Raja Cina angkuh kerana tidak mengizinkan rakyat melihat wajahnya.

“Apa kegemaran orang Melaka?” Maka sembah Tun Perpatih Putih, “Sayur Kangkung tuanku, jangan dikerat-kerat, belah panjang-panjang, iaitulah kegemaran kami semua orang Melaka makan, tuanku.” Maka disuruh oleh Raja China sayurkan kangkung, seperti yang dikatakan oleh Tuan Perpatih Putih itu. Setelah sudah masak, dihantarkan di hadapan Tun Perpatih Putih; dan orang Melaka sekaliannya membibit hujung sayur kangkung itu, serta mengenadah, menganggakan mulutnya. Maka kelihatanlah raja China duduk di atas kerusi dalam mulut naga pada mungkur kacanya. Maka barulah dapat dipandang dengan nyata oleh orang Melaka raja China itu. Setelah sekalian China melihat orang Melaka makan sayur kangkung itu maka diturutnya. Sebab itulah orang China tahu makan sayur kangkung datang sekarang.”

(A. Samad Ahmad, 2013: 133)

### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, karya sastera memperlihatkan kekayaan budaya, adat dan perlambangan dalam menyampaikan sesuatu perkara. Karya sastera kreatif digubah oleh pengarang menggunakan motif-motif yang tertentu. Motif makanan pula merupakan salah satu perkara yang boleh melambangkan pelbagai makna. Makanan yang pada mulanya menjadi pemberi nutrisi dan mengenyangkan perut manusia telah digubah dan diolah ditangan penulis kreatif dahulu dan hari ini. Makanan menjadi agen yang baik untuk menyampaikan hiburan dan pendidikan kepada manusia menerusi karya sastera. Hasil daripada perbincangan berdasarkan data yang digunakan, jelaslah makanan memberi perlambangan kepada adat, darjah, ikatan sosial, sindiran dan strategi.

- 
- <sup>1</sup> ‘Makan hati berulam jantung’ bermaksud orang yang selalu berduakacita kerana kecewa menderita atau bercinta; perasaan perempuan yang telah dimadukan suaminya. ‘Makan suap’ pula bermaksud menerima rasuah atau wang sogokan, manakala ‘makan angin’ membawa maksud keluar berjalan-jalan atau bersiar-siar. ‘Makan dalam’ pula membawa pengertian berkecil hati dengan perbuatan seseorang. Makan diri bermaksud sesuatu perbuatan yang boleh mengakibatkan kesan yang buruk kepada diri seseorang, manakala makan nasi mentah pula memberi erti seseorang yang sentiasa hidup dalam kemaksiatan dan tidak memilih haram dan halal akan sesuatu perkara. ‘Makan nasi bersuap-suapan, tetapi menerima puan kosong’ pula membawa maksud orang yang berkahwin cukup dengan segala adat istiadatnya, tetapi hanya menerima gadis yang tidak lagi suci atau dara. Makan tangan dan makan upas berulam racun masing-masing membawa erti mendapat rezeki lebih daripada yang diharapkan dan perihal orang yang hidup dalam kemelaratan dan kesusahan (Saufie Afandy, 2013).
- <sup>2</sup> Peristiwa ini berlaku akibat dendam Sultan Ahmad Perumudal Perumal kepada Berahim Bapa. Sultan Ahmad seorang raja yang berahkan anaknya sendiri iaitu Tun Medam Peria dan Tun Takiah Dara. Disebabkan hal itu, Sultan Ahmad ingin membunuh Tun Berahim Bapa, kerana beliau yang membantu adiknya daripada menjadi mangsa Sultan Ahmad.
- <sup>3</sup> Kisah Pelayaran Abdullah, bentuk travelog- catatan perjalanan seorang pengembara yang mencatatkan persekitarannya berdasarkan penyaksian mata sendiri. Kepentingan individu sebagai pemerhati dan kepentingan realism positivistik ialah ciri yang dipengaruhi oleh Barat (Noriah Taslim, 2010).
- <sup>4</sup> Beliau turut memberi pandangan bahawa, wanita seharusnya duduk di rumah dan memelihara rumah tangga serta makan minum suaminya. Selain itu, Abdullah Munsyi juga menyifatkan bahawa orang yang boleh melawan nafsu makannya adalah orang berani.  
“Maka sekalian orang yang berkedai dan berjaya daripada jenis-jenis makanan dan pakaian itu semuanya perempuan belaka. Maka adalah adat mereka itu, apabila condong matahari, maka segala perempuan yang dalam negeri dan yang di dusun-dusun dan yang di hulu, masing-masing menjunjung bakul di kepalanya; maka adalah dalam bakul itu jenis makanan dan pakaian; datanglah di pasar itu duduk berkedai. Maka barang siapa hendak membeli barang suatunya, waktu itulah hingga sama masuk matahari, maka masing-masing pun kembalilah ke tempatnya.”(Sweeney, 2005: 115-116).
- <sup>5</sup> Faisal Tehrani menggambarkan bahan-bahan untuk membuat tepung gomak sebagai satu falsafah yang direkanya sendiri. Kacang hijau menurut beliau bererti mengenal tauhid.

Air gula bermaksud kemanisan wilayah Allah dan Rasullah, manakala daun pandan seperti harumnya wilayah ahlul bait. Sementara garam ibarat perjuangan mesti ada walaupun sekelumit.

## RUJUKAN

- A Samad Ahmad. (peny.). 2013. *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bronner, Simon J. (edt). 2007. *The meaning of folklore: The analytical essays of Alan Dundes*. Logan: Utah States University Press.
- Danandjaja, James. 1984. *Folklor Indonesia: Ilmu gosip, dongeng, dan lain-lain*. Jakarta: Penerbit PT Pustaka Utama Grafiti.
- Faisal Tehrani. 2009. *Ketupat Cinta (musim pertama)*. Ampang: Percetakan Maju Jaya Indah.
- Gabaccia, D. R. 1998. *We are what we eat: Ethnic food and the making of Americans*. Cambridge: Harvard University Press.
- Halimah Mohamed Ali & Mohamad Luthfi Abdul Rahman (edt.). 2014. *Sastera dalam budaya dan media*. Penang: Penerbit USM.
- J. M. Aziz. 2001. *Nasi ayam laut sepungan. pemenang cerpen/ sajak/ kajian & rencana sastera Hadiah Sastera Kumpulan Utusan 2001*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Maruwiah Ahmat. 2012. *Makanan tradisional*. Shah Alam: Get Smart Publications.
- Matheson, Virginia. (edt). 1982. *Tuhfat Al- Nafis*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohamad Nazri Ahmad, Hanapi Dollah & Teo Kok Seong. 2011. Penghayatan tradisi lisan Melayu dalam kalangan masyarakat Cina Kelantan. *Jurnal Melayu*. Bil (8): 111-132.
- Nisah Haji Haron. 2009. Lemang nan sebatang. Muat turun pada 13 Jun 2015, dari [http://www.nlb.gov.sg/readsingapore/wp-content/uploads/2013/06/Lemang-Nan\\_Sebatang\\_NisahHaron.pdf](http://www.nlb.gov.sg/readsingapore/wp-content/uploads/2013/06/Lemang-Nan_Sebatang_NisahHaron.pdf)
- Noriah Taslim. 2006. *Dunia sahibul hikayat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Taslim. 2010. *Lisan dan tulisan: Teks dan budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norzailina Nordin. 2012. Hikayat resipi naskhah lama. *Dewan Sastera*, Disember: 9-15.
- Russell Jones. (peny.). 1999. *Hikayat Raja Pasai*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Fajar Bakti.
- Saufie Afandy Md Senin. 2013. *Kamus peribahasa*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Siti Hawa Salleh. (peny.). 1998. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Penerbit Universiti Malaya.
- Siti Zubaidah R. Mohamed. 2015. *Ketokohan dan pemikiran Munsyi Sulaiman berdasarkan Kitab Gemala Hikmat*. Tidak Diterbitkan. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Syed Zulflida. 1986. Wit dan humor dalam *Sejarah Melayu*. Dlm. Zahrah Ibrahim (peny.). *Sastera sejarah: Interpretasi dan penilaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sweeney, Amin. 2005. *Karya lengkap Abdullah bin Abdul Kadir Munshi Jilid 1*. Palmerah Barat: Kepustakaan Popular Gramedia.
- Sweeney, Amin. 2011. *Pucuk gunung es: Kelisanan dan keberaksaan dalam kebudayaan Melayu-Indonesia*. Palmerah Barat: Kepustakaan Populer Gramedia.

**Biodata Penulis:**

**Suhaila Mohamed**

Penulis merupakan pelajar sarjana falsafah tahun dua dalam bidang Kesusasteraan Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau sedang melakukan penyelidikan tentang kisah makanan di Malaysia dari sudut folklor bandaran.

**Shaiful Bahri Md Radzi**

Penulis merupakan pensyarah dalam bidang kesusasteraan Melayu tradisional, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Lulusan Doktor Falsafah dari University of London (The School of Oriental African Studies).